

B/H 1/3/12 MS 7

Libur pulih diri

Pelancongan perubatan tarikan warga asing bertandang ke Malaysia



Oleh Shaidah Shafie
shasha@bharian.com.my

BERDASARKAN statistik dikeluarkan Tourism Malaysia, pelancongan perubatan atau kesihatan makin mendapat sambutan hangat. Buktinya, lima tahun lalu, 296,687 pesakit luar negara datang untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di Malaysia berbanding pada 2001, hanya 75,210 yang datang.

Angka ini pastinya bertambah dari semasa ke semasa menyebabkan kerajaan Malaysia dan industri perubatan sudah meningkatkan lagi usaha untuk menambah pelaburan dalam organisasi penjagaan kesihatan dengan peralatan canggih serta tenaga kerja yang berkemahiran, bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai hab perubatan terkemuka di Asia.


Berbanding benua lain, rawatan perubatan di Asia berada di tangga pertama kerana rawatan yang ditawarkan lebih murah, masa

menunggu lebih singkat dan ia disokong oleh banyak badan profesional yang memberikan bantuan dan khidmat nasihat dalam mengatur perjalanan mereka dan membawa pesakit ke institusi perubatan terbaik di rantau ini.

Selain itu, pesakit juga dapat mengetahui prosedur terkini dan teknologi inovatif yang ditawarkan di Asia. Ada beberapa prosedur pembedahan dan rawatan popular yang diminati oleh pelancong perubatan termasuk pembedahan perut, perkhidmatan pergigian dan juga pembedahan pembetulan penglihatan seperti prosedur LASIK dan pembedahan katarak.

Prosedur pembedahan dalam bidang Ophthalmologi, khususnya dalam pembedahan katarak, sudah dimajukan sejak beberapa tahun yang lalu. Katarak adalah penyakit mata yang paling lazim di seluruh dunia hari ini. Malah, dipercayai setiap orang pasti akan mengalami katarak apabila mencapai usia tua. Apa yang menarik, pelancong

yang bertandang atas tujuan perubatan juga mendapat jaminan bahu-wa perkhidmatan organisasi perubatan di Asia adalah setaraf dengan apa yang didapati di negara barat. Bukan saja dari sudut pengalaman dan kelayakan pakar bedah, tapi juga dalam aspek penggunaan peralatan dan teknologi baru.



Penggunaan teknologi baru dalam pembedahan katarak yang diperkenalkan di VISTA Eye Specialist (VISTA) di Malaysia, misalnya merangkumi Teknologi LenSx(R) No-Blade dan dikatakan dikendalikan oleh pakar dalam industri ini untuk memastikan pelancong perubatan dapat menjalani prosedur yang pantas dan selamat.

Pembedahan Katarak LenSx(R) No-Blade misalnya, menampilkan sistem panduan imej penglihatan berkomputer berintegrasi yang menyangkan bahagian mata yang dibedah pada layar LCD. Melalui imej ini, pakar bedah dapat merancang dan menanda tapak belahan yang diperlukan dengan lebih jelas dan tepat.

Seiring perkembangan teknologi, banyak langkah pembedahan yang dahulunya dilakukan secara manual oleh pakar bedah termasuk melakukan pembedahan dengan pisau pembedahan dan memecahkan katarak kini boleh dilakukan dengan teknologi laser LenSx(R) yang menampilkan

kepentasan laser. Pelaburan oleh VISTA dalam teknologi ini juga memastikan pesakit mendapat khidmat prosedur pembedahan katarak yang lebih mudah, selamat dan cepat. Prosedur LenSx(R) juga menjanjikan pemulihan penglihatan supaya pelancong dapat meneruskan pengembaraan mereka ke tempat-tempat menarik di seluruh Malaysia. VISTA adalah ahli globalEYES -

gabungan klinik mata antarabangsa yang menyokong dan menyalurkan maklumat kepada pesakit mengenai pelbagai prosedur pembedahan mata yang didapati dan juga senarai pusat mata yang menawarkan jenis rawatan yang diperlukan.

Sebagai kesimpulan, langkah menggabungkan aktiviti berlibur dengan usaha mendapatkan rawatan perubatan, sememangnya menyediakan pelbagai manfaat kepada bakal pelancong. Selain rawatan pada kadar berpatutan, mereka turut dirawat pakar yang berpengalaman dan berkelayakan.